

28 OCT 2003

Mahathir-Ilmu/I

MALAYSIA PERLUKAN SUMBER MANUSIA BERTARAF DUNIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Malaysia perlu membina sumber manusianya dengan menghasilkan dan membentuk pemimpin-pemimpin yang boleh diukur setaraf dengan yang terbaik di dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita harus sentiasa berusaha ke arah anjakan paradigma dalam pemikiran rakyat Malaysia supaya kita dapat menjadi masyarakat lebih bertanggungjawab, moden serta maju, dan pintar berfikir, bangga dengan kejayaan dan yakin tentang kemampuan sendiri sejajar dengan era maklumat," kata Perdana Menteri.

Kekuatan ekonomi bersandarkan maklumat yang merupakan teras Wawasan 2020 negara, berasas kepada wujudnya rakyat yang terlatih bagi menguruskan aset-aset penting negara, katanya ketika melancarkan Pusat Antarabangsa Bagi Kepimpinan Dalam Kewangan di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang akan bersara Jumaat ini, berkata Malaysia juga perlu memperkenalkan sistem dan institusi yang menggalakkan pembelajaran di semua peringkat dan usaha ini harus berterusan.

Beliau berkata mempunyai kepimpinan yang hebat, baik dalam sektor awam atau swasta, merupakan satu keperluan bagi mencapai Wawasan 2020.

"Kita kini di pertengahan jalan ke arah mencapai Wawasan 2020 bagi menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menggunakan acuan kita sendiri. Kita telahpun mengambil langkah-langkah perlu tetapi, dalam tempoh yang tidak menentu ini, kita tidak boleh leka dan melihat saja perkembangan berlalu," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu menoleh ke belakang untuk "melihat di mana kita berada sekarang dan bagaimana negara mencapai kemajuan setakat ini kerana ia penting untuk mengelak melakukan kesilapan lampau."

Semasa Malaysia mencapai Kemerdekaan pada 1957, bilangan penduduknya hanya lima juta orang dengan pendapatan per kapita US\$300 tetapi hari ini, jumlah penduduk adalah 25 juta orang dan pendapatan per kapita meningkat kepada US\$4,000.

"Semua ini tidak berlaku begitu saja. Malaysia telah merancang, menggunakan strategi serta memperkenalkan dasar dan kaedah yang kebanyakannya berunsur pasaran dalam pelbagai rancangan pembangunan negara, dan lebih penting lagi, telah melaksanakannya dengan berkesan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata satu bukti tentang kejayaan strategi negara ialah 82 peratus daripada eksport Malaysia pada masa ini yang berjumlah hampir US\$100 bilion, terdiri daripada barangan perkilangan.

Katanya perindustrian telah membantu ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia, dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan menambah pendapatan selain mendorong pembinaan infrastruktur moden.

"Namun, selama ini, kita berhemah dalam perbelanjaan kita, dengan berbelanja pada kadar yang termampu, dan meminjam apa yang kita boleh bayar," kata Dr Mahathir.

Kerajaan juga sentiasa mengikuti perkembangan dalam kemajuan teknologi dunia dan telah menggalakkan pemilikan teknologi baru bagi industri baru.

"Semasa I.T. (teknologi maklumat) dilihat mampu menjadi sumber penting bagi pertumbuhan, kerajaan bertindak pantas dan menggalakkan IT dengan menyediakan wang dan insentif untuk pelaburan tempatan dan asing dalam bidang ini," katanya.

Beliau berkata dengan kemampuan negara memaju dan menguruskan ekonomi dengan jayanya, Malaysia kini dilihat sebagai contoh bagi negara-negara membangun.

"Semua pencapaian ini memerlukan pemindahan dalam pemikiran rakyat Malaysia ke arah menerima nilai dan sikap positif terutamanya kecekalan dan keazaman, sedia untuk bersaing, keyakinan diri, ketahanan dan kesanggupan untuk mencuba," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menggalak dan melaksanakan program bagi pembelajaran berterusan untuk rakyatnya.

Ini dilakukan dengan menyediakan kemudahan mengikuti kursus latihan dan program pendidikan menerusi Internet dan media ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) lain supaya rakyat Malaysia berpeluang mendapatkan kemahiran baru dan kelayakan untuk maju dalam kerjaya, katanya.

"Lebih banyak kios IT dan pusat siber akan ditubuhkan oleh kerajaan khususnya di luar bandar bagi menambah peluang belajar dan berlatih," kata Perdana Menteri.

Penubuhan kolej komuniti, universiti terbuka dan pengajian jarak jauh memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan pendidikan tinggi dan meningkatkan kemahiran dan kelayakan mereka, katanya.

"Institusi kewangan akan digalak menyediakan pinjaman mudah kepada orang dewasa untuk menyambung pengajian mereka," kata Dr Mahathir.

Katanya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyediakan peluang bagi rakyat Malaysia membiayai pengajian mereka.

"Majikan akan diminta menggalakkan pengajian berterusan dan latihan semula bagi membekalkan pekerja dengan kemahiran baru dan ilmu agar mereka dapat bergerak seiring dengan pelbagai kemajuan teknologi," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SR JM MAI